

**TERMS AND CONDITIONS
ELECTRIC VEHICLE CAMPAIGN
("these Terms and Conditions")**

Customers who are interested in participating this campaign are advised to read and understand these Terms and Conditions before registering their participation in this campaign.

Any customer who does not understand any of these Terms and Conditions may contact RHB Customer Contact Centre, whose contact details are set out in the General Terms and Conditions clause below.

CAMPAIGN ORGANISER

1. The Electric Vehicle Campaign ("**Campaign**") is organised by RHB Islamic Bank Berhad [Registration No. 200501003283 (680329-V)] ("**RHB**").

CAMPAIGN PERIOD

2. The Campaign runs from 1 January 2025 to 30 June 2025 ("**Campaign Period**"), both dates inclusive.

ELIGIBILITY

3. The Campaign is open to all RHB new and existing customers who purchase a new Electric vehicle and successfully financed with RHB Vehicle Financing-i (Variable Rate) or RHB Vehicle Financing-i (Variable Rate) Flexi Redraw (hereinafter both products referred to as the "**Participated Product**") during the Campaign Period (hereinafter referred to as the "**Eligible Customer(s)**").

CAMPAIGN MECHANICS

4. The Campaign allows Eligible Customer(s) to be entitled for a complimentary RM210 charging credits (hereinafter referred to as the "**Campaign Gift**") provided by Green EV Charge Sdn Bhd (which known as chargEV and hereinafter referred to as the "**Appointed Vendor**").
5. Eligible Customer(s) will receive a unique serial number to redeem the charging credits via chargEV mobile application on the following month of the disbursement of Participated Product.
6. Eligible Customer(s) shall request the serial numbers from the respective RHB Auto Finance sales representative if the Eligible Customer(s) would like to get the Campaign Gift upon the disbursement of Participated Product.
7. Eligible Customer(s) must ensure they provide their correct and updated email address to RHB during application submission. The Campaign Gift will be sent to the Eligible Customer(s)' email address recorded in RHB's system after the disbursement.
8. RHB shall not be responsible to the Eligible Customer(s) for any loss suffered in the event that the Eligible Customer(s)' email address in RHB's record is not updated or incorrect.
9. The fulfilment of the Campaign Gift is provided and supported by the Appointed Vendor.
10. By participating in the Campaign, Eligible Customer(s) has provided their consent for RHB to share their name and updated email address to the Appointed Vendor for the fulfilment of the Campaign Gift.
11. Any Campaign Gift which are fail to be delivered for any reason whatsoever shall be deemed as rejected by the Eligible Customer(s) and shall forthwith be forfeited by RHB. RHB will not entertain any request to reissue the serial number for the redemption of chargEV charging credit.

12. Eligible Customer(s) shall redeem the Campaign Gift via chargEV mobile application within six (6) months upon the unique serial number being issued to Eligible Customer(s). In the event where the Eligible Customer(s) did not redeem the Campaign Gift before the unique serial number expires, RHB is not liable to compensate any Campaign Gift to the said Eligible Customer(s).
13. Any Eligible Customer(s) who has any issue with the Campaign Gift is advised to contact the Appointed Vendor directly as follow:
- chargEV Support**
Email : support@chargEV.my
Telephone No. : +6011-2337 3387
Operating Hour : Every day from 7am to 11pm
14. The Campaign Gift will be capped at Ringgit Malaysia Two Hundred and Ninety Four Thousand (RM294,000) only throughout the Campaign Period. The Eligible Customer(s) will be determined based on first come first serve basis and the Eligible Customer's disbursement date of Participated Products.

GENERAL TERMS AND CONDITIONS

15. By participating in the Campaign, each of the Eligible Customer(s) agrees to the following:-
- (a) he/she is bound by these Terms and Conditions;
- (b) (i) by giving sufficient prior notice, RHB may:-
- (1) vary any of these Terms and Conditions or suspend or terminate the Campaign following the introduction of or change in any laws or regulatory requirements applicable to RHB and/or the Campaign; or
- (2) vary any of these Terms and Conditions if, without such variation, RHB will not be able to give effect to the Campaign.
- (ii) RHB may give such notice:-
- (1) by mailing such notice and the reason(s) for such variation, suspension or termination to the Eligible Customer(s);
- (2) by sending such notice and the reason(s) for such variation, suspension or termination by SMS (Short Message Service) or Electronic Direct Message (EDM) to the Eligible Customer(s); or
- (3) by displaying such notice and the reason(s) for such variation, suspension or termination at RHB's branches or website.
- (iii) Any Eligible Customer(s) who is not agreeable to such variation, suspension or termination is required to notify RHB and will no longer be entitled to participate in the Campaign.
- (c) the visuals of the Campaign Gift and all other items shown in all materials and publications related to the Campaign and on RHB's website are for illustrative and decorative purposes only and do not form part of the Campaign Gift;
- (d) the Campaign Gift cannot be transferred to any third party and cannot be exchanged for cash, credit or any other form of monetary payment;
- (e) RHB and/or its Appointed Vendor, supplier or agent may substitute the Campaign Gift with another reward of similar value or specification by giving sufficient prior notice with reason(s) for such substitution in the manner as stipulated in Clause 15(b)(ii) above;

- (f) any Eligible Customer(s) who has cheated or committed any unlawful or fraudulent act in relation to the Campaign and/or the Participated Product to which the Campaign applies, will be disqualified from the Campaign;
- (g) Eligible Customer(s) is liable for all taxes and other fees and charges levied against him/her under the applicable laws, if any, for the acceptance of his/her Campaign Gift;
- (h)
 - (i) RHB is required to obtain and process the Eligible Customer(s)' personal information to administer the Campaign;
 - (ii) by providing the personal information, the Eligible Customer(s) has agreed to such processing by RHB; and
 - (iii) any Eligible Customer(s) who is not agreeable to such processing by RHB is required to notify RHB and will no longer be entitled to participate in the Campaign;
- (i) Eligible Customer(s) further consents to RHB obtaining and processing his/her personal information for the purposes of cross-selling, marketing and promotions of the products and/or services of RHB Banking Group or its strategic alliances which RHB thinks may interest him/her. He/She has the option of choosing whether to receive marketing and promotional materials for the same from RHB and may choose or change his/her option by contacting RHB Customer Contact Centre as follow:

RHB Customer Contact Centre

Email : customer.service@rhbgroup.com

Telephone No. : +603-9206 8118

Form : rhbgroup.com/personal/banking-methods/contactus.html;

- (j) the photographs/images together with the names of the Eligible Customer(s) may be used in RHB's announcement of the Campaign Gift;
- (k) RHB is not liable for the non-receipt of, or any delay in the receipt of, any Campaign Gift caused by:-
 - (i) the suspension or termination of the Campaign pursuant to Clause 15(b)(i)(1) above;
 - (ii) such Eligible Customer(s)' own action or inaction; or
 - (iii) by any act of God, war (whether declared or not), strike, riot, civil commotion or act of terrorism which is not attributable to RHB and/or any of its employees, representatives and agents;
- (l) unless there is any manifest (obvious) error, RHB's decision on all matters relating to the Campaign is final, conclusive and binding against the Eligible Customers;
- (m) Eligible Customer(s) may contact RHB Customer Contact Centre for all matters relating to the Campaign (including any request to change or limit the processing of his/her personal information) to RHB Customer Contact Centre;
- (n) if Eligible Customer(s) is not satisfied with the resolution provided by RHB Customer Contact Centre and if the product(s) to which the Campaign applies is/are:-
 - (i) banking product(s), he/she may then refer the matter to the operator of the Financial Ombudsman Scheme approved by Bank Negara Malaysia:-

Ombudsman for Financial Services

**Address: Level 14, Menara Takaful Malaysia
No 4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur**

Telephone No.: +603-2272 2811

Facsimile No.: +603-2272 1577

Email: enquiry@ofs.org.my; or

- (ii) unit trust product(s), he/she may then refer the matter to the Securities Industry Dispute Resolution Center (SIDREC) approved by the Securities Commission Malaysia:-

Address: Unit A-9-1, Level 9, Tower A
Menara UOA Bangsar
No. 5, Jalan Bangsar Utama 1
59000 Kuala Lumpur
Telephone No.: +603-2282 2280
Facsimile No.: +603-2282 3855
Email: info@sidrec.com.my;

- (o) these Terms and Conditions are to be read together with the terms and conditions of the Participated Product which is deemed to be embedded in the RHB Vehicle Financing-i (Variable Rate) Agreement or the Eligible Customer(s) may refer the Product Disclosure Sheet of the Participated Product which is available on RHB website via www.rhbgroup.com/files/islamic/financing/auto-loan/PDS_VFi_VR.pdf
- (p) in the event of any inconsistency between these Terms and Conditions and any other materials relating to the Campaign, these Terms and Conditions will prevail for matters dealt with in these Terms and Conditions.

**TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT
KEMPEN KENDERAAN ELEKTRIK
("Terma dan Syarat ini")**

Pelanggan-pelanggan yang berminat untuk menyertai kempen ini dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma dan Syarat ini sebelum mendaftar penyertaan mereka dalam kempen ini.

Mana-mana pelanggan yang tidak memahami mana-mana Terma dan Syarat ini boleh menghubungi Pusat Perhubungan Pelanggan RHB, yang butiran hubungannya dinyatakan dalam klausa Terma dan Syarat Am di bawah.

PENGANJUR KEMPEN

1. Kempen Kenderaan Elektrik ("**Kempen**") ini dianjurkan oleh RHB Islamic Bank Berhad [No. Pendaftaran 200501003283 (680329-V)] ("**RHB**").

TEMPOH KEMPEN

2. Kempen ini berlangsung dari **01 Januari 2025** hingga **30 Jun 2025** ("**Tempoh Kempen**"), termasuk kedua-dua tarikh.

KELAYAKAN

3. Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan RHB yang baru dan sedia ada yang membeli kenderaan Elektrik baharu dan berjaya dibiayai dengan RHB Vehicle Financing-i (Variable Rate) atau RHB Vehicle Financing-i (Variable Rate) Flexi Redraw (selepas ini kedua-dua produk dirujuk sebagai "**Produk Tersenarai**") semasa Tempoh Kempen (selepas ini dirujuk sebagai "**Pelanggan Berkelayakan**").

MEKANISME KEMPEN

4. Kempen ini membolehkan Pelanggan Berkelayakan mendapat kredit pengecasan percuma bernilai RM210 (selepas ini dirujuk sebagai "**Ganjaran Kempen**") oleh Green EV Charge Sdn Bhd (yang dikenali sebagai chargEV dan selepas ini dirujuk sebagai "**Pembekal Yang Dilantik**")
5. Pelanggan Berkelayakan akan menerima nombor siri unik untuk menebus kredit pengecasan melalui aplikasi mudah alih chargEV pada bulan berikutnya setelah pembayaran Produk Tersenarai dibuat.
6. Pelanggan Berkelayakan hendaklah meminta nombor siri daripada wakil jualan RHB Auto Finance masing-masing jika Pelanggan Berkelayakan ingin mendapatkan Ganjaran Kempen semasa pembayaran Product Tersenarai dibuat.
7. Pelanggan Berkelayakan perlu memastikan bahawa mereka memberikan alamat e-mel persendirian mereka yang betul dan terkini kepada RHB semasa penyerahan permohonan. Ganjaran Kempen akan dihantar ke alamat e-mel Pelanggan Berkelayakan yang direkodkan dalam sistem RHB selepas pembayaran dibuat.
8. RHB tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan Berkelayakan untuk sebarang kerugian yang dialami sekiranya alamat e-mel pelanggan dalam rekod RHB adalah bukan terkini atau salah.
9. Proses penyempurnaan Ganjaran Kempen dibuat dan disokong oleh Pembekal Yang Dilantik.
10. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Berkelayakan telah memberikan kebenaran untuk RHB berkongsi nama dan alamat e-mel pelanggan yang terkini kepada Pembekal Yang Dilantik untuk penyempurnaan proses Ganjaran Kempen.

11. Sebarang Ganjaran Kempen yang gagal dihantar atas apa-apa sebab sekalipun akan dianggap ditolak oleh Pelanggan Berkelayakan dan akan dengan serta-merta dilucuthakkan oleh RHB. RHB tidak akan melayan sebarang permintaan untuk penghantaran semula nombor siri untuk penebusan chargEV kredit pengecasan.
12. Pelanggan Berkelayakan hendaklah menebus Ganjaran Kempen melalui aplikasi mudah alih chargEV dalam tempoh enam (6) bulan selepas nombor siri unik diberikan kepada Pelanggan Berkelayakan. Sekiranya Pelanggan Berkelayakan tidak menebus Ganjaran Kempen sebelum nombor siri unik tamat tempoh, RHB tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa pampasan bagi Ganjaran Kempen kepada Pelanggan Berkelayakan
13. Mana-mana Pelanggan Berkelayakan yang mempunyai sebarang isu dengan Ganjaran Kempen mereka dinasihatkan untuk menghubungi Pembekal Yang Dilantik secara langsung seperti berikut:

Bantuan chargEV
Emel : support@chargEV.my
Telefon No. : +6011-2337 3387
Waktu Operasi : Setiap Hari dari 7 pagi hingga 11 malam
14. Ganjaran Kempen akan dihadkan kepada Ringgit Malaysia Dua Ratus Sembilan Puluh Empat Ribu (RM294,000) sahaja sepanjang Tempoh Kempen. Pelanggan Berkelayakan akan ditentukan berdasarkan urus niaga pertama serta tarikh pembayaran Produk Tersenarai bagi Pelanggan Berkelayakan dibuat.

TERMA DAN SYARAT AM

15. Dengan menyertai Kempen, setiap Pelanggan Berkelayakan bersetuju dengan perkara berikut:-
 - (a) beliau terikat dengan Terma dan Syarat ini;
 - (b) (i) dengan memberikan notis terdahulu yang mencukupi, RHB boleh:-
 - (1) mengubah mana-mana Terma dan Syarat ini atau menggantung atau menamatkan Kempen ini berikutan pengenalan atau perubahan dalam mana-mana undang-undang atau keperluan-keperluan kawal selia yang terpakai kepada RHB dan/atau Kempen ini; atau
 - (2) mengubah mana-mana Terma dan Syarat ini jika, tanpa perubahan sedemikian, RHB tidak akan dapat memberi kesan kepada Kempen ini.
 - (ii) RHB boleh memberi notis sedemikian:-
 - (1) dengan menghantar notis sedemikian dan sebab(-sebab) perubahan, penggantungan atau penamatan sedemikian kepada Pelanggan Berkelayakan;
 - (2) dengan menghantar notis sedemikian dan sebab(-sebab) untuk perubahan, penggantungan atau penamatan sedemikian melalui Perkhidmatan Mesej Ringkas (*Short Message Service ("SMS")*) atau Mesej Langsung Elektronik (*Electronic Direct Message ("EDM")*) kepada Pelanggan Berkelayakan; atau
 - (3) dengan memaparkan notis tersebut dan sebab(-sebab) bagi perubahan, penggantungan atau penamatan sedemikian di cawangan-cawangan RHB atau laman web RHB.
 - (iii) Mana-mana Pelanggan Berkelayakan yang tidak bersetuju dengan perubahan, penggantungan atau penamatan sedemikian dikehendaki memberitahu RHB dan tidak akan lagi berhak untuk menyertai Kempen ini.

- (c) visual-visual Ganjaran Kempen dan semua benda lain yang ditunjukkan dalam semua bahan dan penerbitan yang berkaitan dengan Kempen ini dan di laman web RHB adalah untuk tujuan-tujuan ilustrasi dan hiasan sahaja dan tidak menjadi sebahagian daripada Ganjaran Kempen ini;
- (d) Ganjaran Kempen itu tidak boleh dipindahkan kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai, kredit atau sebarang bentuk pembayaran monetari lain;
- (e) RHB dan/atau Pembekal Yang Dilantik, penjual atau ejen yang dilantiknya boleh menggantikan Ganjaran Kempen itu dengan ganjaran lain yang mempunyai nilai atau spesifikasi yang serupa dengan memberikan notis terdahulu yang mencukupi dengan sebab(-sebab) untuk penggantian tersebut mengikut cara yang ditetapkan dalam Klausa 15(b)(ii) di atas;
- (f) mana-mana Pelanggan Berkelayakan yang telah menipu atau melakukan apa-apa tindakan yang menyalahi undang-undang atau penipuan berhubung dengan Kempen ini dan/atau Produk Tersenarai yang digunakan dalam Kempen ini, akan digugurkan daripada Kempen ini;
- (g) Pelanggan Berkelayakan bertanggungjawab ke atas semua cukai dan yuran dan caj lain yang dikenakan terhadapnya di bawah undang-undang yang terpakai, jika ada, untuk penerimaan Ganjaran Kempen;
- (h)
 - (i) RHB dikehendaki mendapatkan dan memproses maklumat peribadi Pelanggan Berkelayakan untuk mentadbir Kempen;
 - (ii) dengan memberikan maklumat peribadi, Pelanggan Berkelayakan telah bersetuju dengan pemprosesan sedemikian oleh RHB; dan
 - (iii) mana-mana Pelanggan Berkelayakan yang tidak bersetuju dengan pemprosesan sedemikian oleh RHB dikehendaki memaklumkan RHB dan tidak lagi berhak untuk menyertai Kempen ini;
- (i) Pelanggan Berkelayakan seterusnya memberi kebenaran-kebenaran kepada RHB untuk mendapatkan dan memproses maklumat peribadinya untuk tujuan-tujuan penjualan silang, pemasaran dan promosi produk-produk dan/atau perkhidmatan-perkhidmatan Kumpulan Perbankan RHB atau pakatan strategiknya yang RHB fikir mungkin menarik minatnya. Beliau mempunyai pilihan untuk memilih sama ada untuk menerima bahan pemasaran dan promosi untuk bahan yang sama daripada RHB dan boleh memilih atau menukar pilihannya dengan menghubungi Pusat Perhubungan Pelanggan RHB seperti berikut:

Pusat Perhubungan Pelanggan RHB
E-mel : customer.service@rhbgroup.com
Telefon No. : +603-9206 8118
Borang : rhbgroup.com/personal/banking-methods/contactus.html;
- (j) gambar-gambar/imej-imej berserta nama-nama Pelanggan Berkelayakan boleh digunakan dalam pengumuman RHB tentang Ganjaran Kempen;
- (k) RHB tidak bertanggungjawab ke atas ketidakterimaan, atau sebarang kelewatan dalam penerimaan, sebarang Ganjaran Kempen yang disebabkan oleh:-
 - (i) penggantungan atau penamatan Kempen ini menurut Klausa 15(b)(i)(1) di atas;
 - (ii) sebarang tindakan atau tiada tindakan oleh Pelanggan Berkelayakan; atau
 - (iii) sebarang tindakan Tuhan, peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), mogok, rusuhan, kekecohan awam atau tindakan keganasan yang tidak dikaitkan dengan RHB dan/atau mana-mana pekerja, wakil dan ejennya;

- (l) melainkan jika terdapat sebarang kesilapan yang nyata (jelas), keputusan RHB mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat Pelanggan Berkelayakan
- (m) Pelanggan Berkelayakan boleh menghubungi Pusat Perhubungan Pelanggan RHB untuk semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini (termasuk sebarang permintaan untuk menukar atau mengehadkan pemprosesan maklumat peribadinya) kepada Pusat Perhubungan Pelanggan RHB;
- (n) jika Pelanggan Berkelayakan tidak berpuas hati dengan resolusi yang diberikan oleh Pusat Perhubungan Pelanggan RHB dan jika produk(-produk) yang digunakan oleh Kempen ini adalah:-
 - (i) produk(-produk) perbankan, beliau kemudiannya boleh merujuk perkara itu kepada pengendali Skim Ombudsman Kewangan yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia:

Ombudsman bagi Perkhidmatan Kewangan (OFS)

Alamat: Level 14, Menara Takaful Malaysia
 No 4, Jalan Sultan Sulaiman
 50000 Kuala Lumpur
No. Telefon: +603-2272 2811
No. Faksimili: +603-2272 1577
E-mel: enquiry@ofs.org.my; atau

- (ii) produk(-produk) unit amanah, beliau kemudiannya boleh merujuk perkara itu kepada Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti (SIDREC) yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia:-

Alamat: Unit A-9-1, Level 9, Tower A
 Menara UOA Bangsar
 No. 5, Jalan Bangsar Utama 1
 59000 Kuala Lumpur
No. Telefon: +603-2282 2280
No. Faksimili: +603-2282 3855
E-mel: info@sidrec.com.my;

- (o) Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca bersama dengan terma dan syarat untuk Produk Tersenarai yang dianggap terkandung dalam Perjanjian Pembiayaan Kenderaan-i RHB (Kadar Berubah) atau Pelanggan Berkelayakan boleh merujuk Lembaran Pendedahan Produk Tersenarai yang boleh didapati di laman web RHB melalui www.rhbgroup.com/files/islamic/financing/auto-loan/PDS_VFi_VR.pdf
- (p) jika berlaku sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat ini dan mana-mana bahan lain yang berkaitan dengan Kempen ini, Terma dan Syarat ini akan digunapakai bagi perkara-perkara yang ditadbir oleh Terma dan Syarat ini.